

## PENERBITAN FILEM MELAYU DI TANAH MELAYU, 1930-AN HINGGA 1960-AN

### *PRODUCTION OF MALAY FILMS IN MALAYA, 1930-1960s*

Mohd Suhairi bin Mazlan\*  
Ahmad Kamal Ariffin bin Mohd Rus\*\*  
Universiti Malaya MALAYSIA

#### **Abstrak**

Artikel ini bertujuan untuk melihat peranan syarikat penerbitan filem Melayu di Tanah Melayu dari tahun 1930-an hingga 1960-an. Kajian ini memberi tumpuan kepada dua (2) buah syarikat penerbitan filem Melayu iaitu Malay Film Production (MFP) dan Cathay-Keris Film. Filem merupakan sumber hiburan yang paling mudah didapati dan difahami. Oleh itu, keunggulan sesebuah syarikat penerbitan akan diukur melalui tahap kerjasama yang jitu antara majikan, pengarah dan pelakon. Di samping itu, pelbagai genre filem telah berjaya dihasilkan oleh kedua-dua syarikat ini. Antaranya genre yang bertemakan politik, ekonomi dan sosial yang bertepatan dengan suasana masyarakat di Tanah Melayu untuk disajikan kepada para penonton filem tanah air. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif. Bahan dan sumber diperoleh dari Jabatan Filem Negara, Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya dan Unit Media The Que, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). Hasil kajian menunjukkan syarikat Malay Film Production (MFP) dan Cathay-Keris Film telah memonopoli industri perfileman Melayu di Tanah Melayu sehinggakan syarikat-syarikat ini mampu melahirkan pengarah-pengarah dan pelakon-pelakon Melayu yang hebat. Hal ini terbukti apabila syarikat Malay Film Production telah berjaya menerbitkan 160 buah filem manakala syarikat Cathay-Keris Film pula berjaya menerbitkan sebanyak 120 buah filem. Sebelum bertapaknya kedua-dua syarikat ini, belum terdapat pengarah-pengarah yang terdiri daripada orang Melayu. Setelah kehadiran syarikat-syarikat ini barulah lahirnya pengarah-pengarah Melayu hasil didikan daripada pengarah asing terutamanya dari India. Antara pengarah Melayu yang terkenal ialah seperti P. Ramlee, Jamil Sulong, Omar Rojik, Hussein Haniff dan M. Amin. Berbeza dengan pelakon filem Melayu yang telah wujud sebelum itu kebanyakan pelakon ini berasal daripada pelakon bangsawan yang diserap kepada pelakon filem yang akhirnya mereka mampu menaikkan nama mereka sehingga dikenali hingga ke peringkat antarabangsa. Antara pelakon yang gemilang namanya ialah seperti Kasma Booty, Siti Tanjung Perak, S. Roomai Noor, Salleh Kamil dan lain-lain.

**Kata kunci:** Penerbitan Filem Melayu, Malay Film Production (MFP), Cathay-Keris Film

#### **Abstract**

*This article aims to look at the role of Malay film production companies in Malaya from the 1930s to the 1960s. This study focuses on two (2) Malay film production companies, namely Malay Film Production (MFP) and Cathay-Keris Film. Movies are the most accessible and understandable source of entertainment. Therefore, the excellence of a publishing company will be measured through the precise level of cooperation between employers, directors and actors. In addition, various movie genres have been successfully produced by these two companies. Among them are genres with political, economic and social themes that coincide*

*with the atmosphere of society in Malaya to be presented to the film audience of the country. This article uses qualitative research methods. Materials and sources are obtained from the National Film Department, National Archives of Malaysia, Universiti Malaya Main Library, Za'ba Universiti Malaya Library and The Que Media Unit, Malaysian National Film Development Corporation (FINAS). The results of the study show that Malay Film Production (MFP) and Cathay-Keris Film have monopolized the Malay film industry in Malaya to the extent that these companies are able to produce great Malay directors and actors. This is proven when the Malay Film Production Company has successfully produced 160 films while the Cathay-Keris Film Company has successfully produced 120 films. Before the establishment of these two companies, there were no Malay directors. After the presence of these companies, Malay directors were born who were educated by foreign directors, especially from India. Among the famous Malay directors are P. Ramlee, Jamil Sulong, Omar Rojik, Hussein Haniff and M. Amin. In contrast to Malay film actors, where it had existed before most of these actors were bangsawan actors who were absorbed into film actors who were eventually able to raise their names until they became known internationally. Among the famous actors such as Kasma Booty, Siti Tanjung Perak, S. Roomai Noor, Salleh Kamil and others.*

**Keywords:** *Production of Malay films, Malay Film Production (MFP), Cathay-Keris Film*

## **Pengenalan**

Filem dikatakan sebagai saluran media hiburan yang paling berjaya sehinggakan ia sudah sebarati dengan kehidupan sosial manusia. Filem dilihat sebagai satu medium untuk menstrukturkan proses pengeluaran makna dalam masyarakat.<sup>1</sup> Selain sebagai saluran penyampaian makna kepada masyarakat, filem juga berperanan sebagai saluran hiburan dan bagi sesetengah pihak khususnya yang bergiat secara langsung dalam bidang perfileman, filem dilihat sebagai sumber penjanaaan kapital dan punca untuk mengaut keuntungan. Dunia tanpa hiburan tayangan filem pula dikatakan sukar untuk diimajinasikan.<sup>2</sup> Hal ini kerana filem bukan hanya berperanan sebagai alat hiburan tetapi juga berkuasa mempengaruhi emosi, minda dan bentuk kehidupan khalayak penonton.<sup>3</sup> Dunia yang begitu *repressive, competitive* dan terbuka telah menjadikan filem sebagai aset atau alat yang sangat penting kerana ia bukan sahaja mendokumenkan atau menggambarkan cebisan kehidupan tetapi turut memberikan definisi kekal dari sudut yang terpilih dan kemudiannya menjadi sejarah. Filem mempunyai banyak fungsi dalam masyarakat serta mencerminkan dan memaparkan banyak perkara sehingga menampakkan sesuatu yang kurang jelas dalam masyarakat termasuk estetika.<sup>4</sup>

Filem telah melalui zaman keemasannya dalam tempoh tiga dekad iaitu pada tahun 1930-an hingga 1960-an. Kegemilangan yang berlaku ini, sudah tentu didorong oleh beberapa faktor. Hal ini kerana, masyarakat Melayu pada ketika itu masih tidak setanding dengan masyarakat di luar, di mana perkembangan filemnya didapati sudah berada pada tahap yang maju. Di samping itu, filem Melayu pada era 1930-an hingga 1960-an banyak diterajui dan diterbitkan oleh syarikat-syarikat luar. Antara syarikat luar yang terlibat dalam penerbitan filem Melayu pada era 1930-an hingga 1960-an ialah Motilal Chemical Company, Shaw Brothers, Malay Film Productions (MFP), Nippon Eiga Haikya Sha, Syarikat Filem Malaya Arts Production, Cathay-Keris Film dan Merdeka Film Enterprise. Walau

bagaimanapun, dalam penulisan ini, hanya dua (2) syarikat filem yang akan diberi penekanan iaitu Malay Film Productions (MFP) dan Cathay-Keris Film. Dua syarikat ini dipilih kerana peranan kedua-duanya dalam menerbitkan jumlah filem Melayu terbanyak di rantau ini. Sebagai contoh, Malay Film Productions (MFP) menghasilkan sebanyak 160 buah filem dan Cathay-Keris Film pula menghasilkan sebanyak 120 buah filem sepanjang penglibatan mereka dalam perfileman Melayu. Di samping itu, syarikat-syarikat ini juga memainkan peranan yang sangat besar, terutamanya dalam melahirkan pengarah-pengarah Melayu dan bintang-bintang filem Melayu yang terkemuka pada ketika itu. Berdasarkan pemilihan itu, penulisan ini akan cuba menganalisis peranan yang dimainkan oleh kedua-dua syarikat tersebut dalam menerbitkan filem Melayu, melahirkan pengarah Melayu dan menghidupkan bintang-bintang filem Melayu yang terkenal pada era 1930-an hingga 1960-an.

### **Perkembangan Awal Filem di Tanah Melayu**

Filem sampai ke Tanah Melayu sejak awal abad ke-19. Filem pada ketika itu dikenali sebagai wayang gambar sudah mula ditayangkan di Kuala Lumpur sejak tahun 1897. Antara filem yang ditayangkan ialah tentang sambutan Jubli Intan Permaisuri Victoria yang berlangsung di Kota London pada 20 Jun 1897.<sup>5</sup> Menerusi beberapa akhbar Inggeris ketika itu seperti *The Malay Mail* keluaran 23 November 1900, sudah terdapat iklan tentang masa, tempat dan harga tiket filem yang akan ditayangkan. Sebagai contoh melalui persembahan filem berjudul *Japanese Troupe*, di mana penayangannya bertempat di Kelab Kuala Lumpur.<sup>6</sup> Akhbar yang sama bertarikh 6 Julai 1905 pula melaporkan penayangan filem propaganda Jepun, khas untuk ahli Kelab Selangor berhubung dengan berita tercetusnya Perang Rusia-Jepun pada tahun 1905.<sup>7</sup> Penayangan filem pada ketika itu biasanya ditayangkan pada waktu malam, di kawasan terbuka dan harga tiketnya pula berbeza mengikut kaum atau hierarki sosial, seperti \$1 untuk orang Eropah dan orang Cina, manakala 25 sen untuk orang Melayu dan kanak-kanak.<sup>8</sup> Filem yang ditonton biasanya filem-filem pendek yang hanya menyiarkan kisah-kisah biasa yang berlaku sehari-hari atau kisah peperangan. Ketika itu masyarakat Tanah Melayu menonton filem di tempat terbuka atau khemah-khemah sahaja. Sementara itu, filem-filem bisu juga sudah mula ditayangkan selepas Perang Dunia Kedua seperti filem-filem lakonan Charlie Chaplin dan John Barrymore.

Dengan kemasukan filem ke negara ini, maka panggung wayang mula menjadi tumpuan masyarakat sebagai tempat hiburan yang menarik penduduk tempatan. Jika tidak, padang lumba kuda menjadi tempat pertemuan dan berkumpulnya berbagai-bagai bangsa walaupun tidak ada tujuan khusus sesama mereka ketika berada di situ. Panggung wayang pertama dibina di rantau ini ialah di Singapura pada tahun 1907. Ia diberi nama Alhambra dan dimiliki oleh seorang Inggeris bernama Willis. Pada peringkat permulaannya panggung wayang ini hanya menayangkan filem-filem bisu yang kebanyakannya dibawa dari Amerika. Manakala pada tahun 1926, Ho Ah Loke, seorang lagi pengusaha filem memulakannya dengan membuka panggung wayang Union dan Oriental di Ipoh, Perak.<sup>9</sup> Kemudian sedikit demi sedikit beliau mengembangkan penubuhan panggung wayang ini ke seluruh Tanah Melayu, terutamanya di bandar-bandar besar. Wayang bergerak juga diadakan dengan menayangkan wayang yang berpindah-pindah dari satu negeri ke satu negeri. Beliau kemudiannya disaingi oleh adik beradik Shaw, Runme dan Run Run dari Shanghai yang turut membuka panggung wayang di rantau ini. Bermula dengan menayangkan filem-filem Cina, mereka menggiatkan lagi perniagaan dalam bidang hiburan hingga kemudiannya menjadi empayar panggung wayang di rantau ini.<sup>10</sup> Kebanyakan pembikin filem awal telah bersetuju bahawa 1930-an ialah era bermulanya pembikinan filem Melayu.<sup>11</sup> Namun ketika itu, orang

tempatan masih belum bersedia untuk menghasilkan filem sendiri. Cara mengatasinya ialah dengan mengimport pengarah asing daripada China, Jepun dan terutamanya India. Orang Melayu pada tahap awal hanya terlibat sebagai pekerja dalam pembikinan filem dan hanya daripada situ beransur-ansur diberi kepercayaan berlakon, mengarah dan kemudian menerbitkan filem sendiri.

Filem Melayu pertama yang berjaya dihasilkan di Tanah Melayu ialah *Laila Majnun* (1933).<sup>12</sup> Filem ini memaparkan sebuah kisah romantik antara Laila dan Majnun. Filem ini telah didasarkan daripada karya klasik Arab dan diterbitkan oleh seorang ahli perniagaan India iaitu S. M. Chisty dan diarahkan juga oleh seorang pengarah dari India iaitu B. S. Rajhans.<sup>13</sup> Ia diterbitkan oleh syarikat Motilal Chemical, yang berasal dari Bombay tetapi beroperasi di Singapura. Watak utama dalam filem ini telah dibawa oleh seorang pelakon bangsawan iaitu M. Suki. Barisan pelakon lain yang turut terlibat dalam filem ini adalah seperti Cik Tijah, Yem, Sharifah Medan, Fatimah Jasmin, Syed Ali Mansoor Al Attas dan Khairuddin. Filem ini telah dijadikan rujukan oleh pengarah-pengarah filem Melayu selepasnya kerana kejayaan filem tersebut meraih kutipan tiket “pecah panggung”. Ketiadaan pengarah tempatan telah memberi peluang kepada pengarah India untuk memperkembangkan budaya India dalam masyarakat Melayu. B. S. Rajhans juga telah berjaya menghasilkan filem *Mutiara Bermadu* dan *Topeng Syaitan*. Manakala filem seperti *Pisau Beracun*, *Chinta*, *Nilam* dan *Nasib* pula telah diadaptasi kepada cerita Hindustan. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa sebelum wujudnya filem Melayu, telah adanya filem-filem lain yang ditayangkan terlebih dahulu untuk disajikan kepada masyarakat di rantau ini.

### **Malay Film Productions (MFP)**

Run Run Shaw dan Runme Shaw merupakan perintis di dalam industri perfileman di Singapura dan Tanah Melayu. Run Run Shaw bersama abangnya Runme Shaw yang berasal dari Shanghai, China telah memasuki hiburan ini pada tahun 1920.<sup>14</sup> Mereka berdua lahir daripada keluarga tekstil kaya dan mendapat pendidikan di sekolah antarabangsa di China. Kewujudan Malay Film Production (MFP) adalah hasil daripada usaha mereka berdua. Mereka dikenali sebagai Shaw Brothers dan memiliki syarikat penerbitan filem Hong Kong.<sup>15</sup> Pada tahun 1925, tiga Shaw bersaudara iaitu Runje, Runme dan Runde telah mengasaskan Syarikat Filem Tianyi di Shanghai dan menubuhkan pangkalan pengedaran filem di Singapura, di mana Runme dan adik bongsu mereka, Run Run Shaw, menguruskan syarikat induk, Shaw Organisation. Run Run Shaw mula berminat dengan industri perfileman selepas dia membantu syarikat abangnya. Beliau telah melihat Tanah Melayu sebagai satu peluang perniagaan kerana pada era 1930-an, Tanah Melayu masih lagi tidak mempunyai pawagam dan sebarang studio perfileman pada waktu tersebut. Mereka mula membuat rancangan untuk penerbitan filem dalam bahasa Melayu pada tahun 1937; peralatan diimport dari Hong Kong, pengarah filem telah direkrut untuk membuat filem dengan pelakon Melayu tempatan di Malaya, walaupun tidak jelas jika terdapat filem yang dikeluarkan dalam tempoh ini.<sup>16</sup> Perancangan untuk pengembangan pembinaan studio filem baharu di No. 8, Jalan Ampas di Balestier mula diumumkan oleh John Laycock, mewakili Shaw Organisation, pada 17 Jun 1941.<sup>17</sup> Lokasi di Jalan Ampas pada asalnya adalah sebuah gudang yang diduduki oleh tukang cuci India, yang telah dikeluarkan dari premis itu pada 31 Ogos 1941.<sup>18</sup> Kemudahan studio filem ini pada awalnya dinamakan Singapore Film Studio, kemudian bertukar nama kepada Malay Film Production (MFP) apabila ditubuhkan pada 1943 dan diperbadankan pada 23 Ogos 1949.

### **Filem-filem terbitan Malay Film Production (MFP)**

Studio ini telah berjaya menerbitkan lebih 160 buah filem dan merupakan penyumbang utama kepada Zaman Kegemilangan Filem Melayu. Studio Jalan Ampas dibuka semula selepas Perang Dunia II pada 1947. Daripada pengarah Cina yang digunakan sebelum ini, studio itu pada mulanya diketuai oleh pengarah India B. S. Rajhans, yang merupakan satu-satunya pengarah filemnya sehingga 1950, dengan lapan filem dihasilkan dalam tempoh ini. Rajhans menghasilkan filem berdasarkan mitos dan cerita rakyat India serta isu-isu masyarakat kontemporari. Filem pertama yang dikeluarkan oleh studio itu pada tahun 1947 ialah *Singapura di Waktu Malam*, sebuah filem yang mengupas isu-isu sosial belia Melayu yang meninggalkan kampung-kampung dan berhijrah ke bandar.<sup>19</sup> Manakala filem yang terakhir ialah *Raja Bersiong* (1968). Filem awal Rajhans terbukti berjaya dan kejayaan itu membawa kepada perekrutan selanjutnya dua pembuat filem India iaitu S. Ramanathan dan L. Krishnan. Pengarah-pengarah India lebih sesuai dengan budaya Melayu dan gaya filem (lagu dan tarian) mereka juga popular dalam kalangan penonton pelbagai etnik. Daripada bergantung kepada pelakon bangsawan, Rajhans juga mula mencari bakat Melayu yang akan menjadi tokoh penting dalam industri perfileman Melayu, termasuk P. Ramlee (Teuku Zakaria Teuku Nyak Puteh), Jamil Sulong dan Omar Rojik. P. Ramlee merupakan tokoh terpenting yang direkrutnya yang akan menjadi tokoh utama dalam hiburan popular Melayu.

MFP merupakan kuasa besar yang berjaya memonopoli filem Melayu pada zaman awal dan penerbitan filem mereka telah meningkat dengan pesat. Hal ini terbukti apabila pada tahun 1950-an, MFP telah menghasilkan 10 buah filem setahun, manakala menjelang tahun 1952 ia berjaya menambah penghasilan filemnya kepada 13 buah filem setahun.<sup>20</sup> Antara filem yang paling terkenal pada era 1940-an ialah *Singapura di Waktu Malam*. Hal ini kerana selepas penutupan sementara semasa pendudukan Jepun, studio itu dibuka semula dan menerbitkan filem ini yang merupakan filem pertama pasca perang. Filem yang terkenal pada era 1950-an pula ialah *Sarjan Hassan*. Hal ini kerana kisah daripada filem ini diinspirasi oleh watak sebenar, di mana filem ini dibaluti unsur patriotisme, sejarah, drama dan perjuangan. Filem ini juga telah menelan belanja sebanyak RM700,000 dan sangat dinanti-nantikan kerana menggabungkan tiga orang yang pernah memenangi Anugerah Pesta Filem Asia iaitu P. Ramlee, Avellana dan A. Bakar Ali. Filem ini sampai ke hari ini akan sentiasa ditayangkan di kaca televisyen setibanya hari Kemerdekaan negara iaitu pada 31 Ogos setiap tahun agar anak muda melihat perjuangan para perajurit negara dalam membebaskan tanah air daripada penjajah. Manakala filem yang terkenal pada era 1960-an pula ialah *Raja Bersiong*. Hal ini kerana filem ini merupakan filem pertama yang skripnya ditulis oleh pembesar negara yang bergelar Perdana Menteri iaitu Yang Amat Berhormat Tunku Abdul Rahman Putra Al-Hajj. Ia juga merupakan filem pertama, di mana ceritanya diambil dari sebuah kisah legenda yang sangat luar biasa. Filem *Raja Bersiong* ini merupakan filem Melayu yang julung-julung kali menggunakan pelakon luar, iaitu penari kebudayaan Diraja Thailand. Apa yang paling menarik ialah filem ini mencatat sejarah di mana satu battalion Pasukan Askar Melayu yang dipimpin oleh Brigadier Jeneral Dato' Syed Mohammad Al-Sagoff telah mengambil bahagian sebagai pelakon tambahan dalam menjayakan filem ini.

Peningkatan dalam penerbitan pada tahun 1950-an ini telah membawa kepada pembesaran studio ke plot tanah jiran untuk pembinaan peringkat bunyi baharu dengan kuarters di Boon Teck Road di mana pekerjaannya akan ditempatkan. Studio asal di No. 8 Jalan Ampas juga telah dibina semula. Dua unit pembikin filem, A dan B, telah dibentuk dan mereka menggunakan studio secara bergilir-gilir; jika unit A membuat penggambaran di studio, unit B akan melakukan penggambaran di luar rumah. Pemprosesan filem itu juga bertempat di Jalan Ampas. Setiap filem dianggarkan kira-kira RM30,000 (sekitar AS\$10,000)

dan dari permulaan filem hingga tayangannya, setiap filem biasanya boleh disiapkan dalam masa tiga bulan.<sup>21</sup> Apabila studio ini diperluaskan lagi, maka MFP telah berjaya mengeluarkan filem-filem cerita dengan “*sound stage*” yang berjumlah sebanyak empat kesemuanya dengan keluasanya yang berjumlah lebih dari 100,000 kaki persegi, MFP adalah satu-satunya studio filem yang paling besar di Tanah Melayu pada ketika itu.<sup>22</sup> Di samping itu, MFP bukan sahaja bangga dengan keluasan kawasannya, malah melalui perkakas penggambaran dan lain-lainnya. MFP sangat berbangga apabila pihak mereka mampu menggajikan pekerja-pekerja yang ramai dalam mengendalikan segala hal ehwal studio seperti makmal, pengeditan, pengurusan, tukang kayu, tukang cat, tukang lukis dan berbagai-bagai lagi cawangan selain daripada mereka yang bertugas sebagai pelakon, pengarah dan pegawai. Menjelang tahun 1958, studio itu telah menghasilkan lebih 100 buah filem. Beberapa daripadanya telah memenangi anugerah di festival filem Asia.<sup>23</sup>

Seterusnya, tiap-tiap filem yang dikeluarkan oleh MFP juga sudah memberi jaminan terhadap pengeluarannya. Maknanya di sini, tiap-tiap filem yang dihasilkan oleh MFP yang membawa tanda S.B., telah diakui tentang kesempurnaannya dalam segala aspek.<sup>24</sup> Pengakuan-pengakuan yang bernilai ini, bukanlah pengakuan-pengakuan yang telah didapati oleh MFP dengan mudah melainkan setelah membuktikan terlebih dahulu segala pengeluarannya yang dihasilkan oleh tenaga-tenaga yang cekap, berpengalaman, bijak dan pandai dalam segala lapangan mengenai dunia perfileman. Dalam mendapatkan tenaga-tenaga yang bernilai, serta perkakas dan kelengkapan-kelengkapan yang baru lagi bermutu dan juga bakat-bakat yang hebat sudah tentu memerlukan perbelanjaan yang begitu besar. Oleh kerana MFP tidak sekali-kali menghiraukan tentang perbelanjaan demi kepentingan persembahan-persembahannya untuk peminat-peminat filem Melayu, maka segalanya itu telah dapat diatasi dengan mudah. Perbelanjaan beratus-ratus ribu ringgit bagi melaksanakan sesuatu persembahan adalah satu perkara yang biasa kepada MFP. Hal ini terbukti apabila MFP mengeluarkan perbelanjaan puluhan ribu ringgit dalam membina sesuatu seni pembinaan atau pengeditan; pakaian, persiapan dan perhiasan.<sup>25</sup> Oleh sebab itu, setiap kali filem yang dikeluarkan olehnya mendapat sambutan danakuan dari setiap lapisan penonton filem-filem Melayu sebagai persembahan yang sangat memuaskan.

### **Pengarah-pengarah Melayu di bawah Malay Film Production (MFP)**

Pengarah yang didatangkan dari India telah memainkan peranan yang sangat penting dalam pembaharuan ini. MFP telah mengambil pengarah-pengarah dari India mengikut peringkat-peringkat berdasarkan keperluan semasa. Pada peringkat awal mereka mengambil tiga orang pengarah dari India iaitu B. S. Rajhans, L. Krishnan dan S. Ramanathan.<sup>26</sup> Ketiga-tiga orang pengarah ini telah berjaya mengarahkan beberapa buah filem dengan mendapat sambutan yang memuaskan. Pada peringkat kedua, beberapa orang pengarah lagi dibawa dari India iaitu B. N. Rao, Phani Majumdar, K. M. Busker, K. R. S. Sastry, V. Girimaji dan Dhires Ghosh.<sup>27</sup> Alasan MFP membawa masuk pengarah-pengarah dari India adalah kerana kekurangan pengarah-pengarah Melayu yang berwibawa pada peringkat awalnya. Orang Melayu dikatakan masih belum terdedah secara meluas mengenai pembikinan filem. Selain itu, perkembangan perfileman yang pesat di India telah menyebabkan MFP ingin mencuba bakat pengarah-pengarah India untuk menghasilkan filem-filem Melayu. Hal ini adalah disebabkan adat resam yang diamalkan oleh masyarakat India mempunyai banyak persamaan dengan kebudayaan masyarakat Melayu. Antara contoh persamaan ini adalah seperti dalam aspek perkahwinan. Filem-filem India khususnya filem-filem Hindi memang disukai oleh masyarakat Melayu. Oleh itu, pengarah-pengarah India itu dilihat sebagai tidak menimbulkan

banyak masalah dari segi pengarahan filem-filem Melayu. Unsur-unsur dalam filem Hindi boleh diterima oleh masyarakat Melayu. Dengan adanya persamaan selera ini, ia memudahkan pengarah-pengarah India itu memainkan peranannya. Faktor ekonomi juga mendorong pengusaha filem seperti MFP mengambil pengarah dari negara ini. Tenaga buruh yang murah dan memiliki pengetahuan asas tentang teknik perfileman serta perniagaan, membuatkan MFP lebih mengutamakan pengarah dari India berbanding Melayu.

Di samping itu, pengarah-pengarah dari India yang berpengalaman ini tidaklah lokek untuk mencurahkan ilmu perfileman kepada anak tempatan yang berbakat. Phani Majumdar umpamanya pernah memberi tunjuk ajar kepada P. Ramlee dan Jamil Sulong yang telah dilantik menjadi penolong pengarah pada ketika itu.<sup>28</sup> Kedua-duanya telah diberi tunjuk ajar dalam bidang kepengarahan, penyusunan babak, membentuk lakonan dan menulis skrip filem. Kesediaan pengarah-pengarah asing menurunkan ilmu mereka itu telah memberikan semangat baru kepada orang-orang seperti P. Ramlee dan Jamil Sulong untuk mencapai cita-citanya dalam bidang perfileman.<sup>29</sup> Melalui tunjuk ajar dari ilmu yang mereka perolehi lebih memantapkan diri mereka sebagai karyawan filem. Seseorang yang ingin menjadi pengarah hendaklah terlebih dahulu menceburkan diri dalam bidang perfileman dan lakonan lebih dari sepuluh tahun untuk mendapatkan pengalaman, demikian tegas L. Krishnan yang merupakan di antara pengarah awal yang menyertai MFP.

Selain pengarah-pengarah India, MFP juga mengambil pengarah-pengarah dari Filipina dan China. Antara pengarah yang berasal dari Filipina ialah Eddy Infante yang telah mengarahkan filem yang berjudul *Gadis Liar* (1955), Ramon A. Estella melalui filem *Kembali Seorang* (1957), T. C. Santos melalui filem *Taufan* (1957), Rofl Bayer melalui filem *Azimat* (1958) dan Burt A. Avellana melalui filem *Sarjan Hassan* (1958).<sup>30</sup> Pengarah-pengarah China tidaklah seramai pengarah-pengarah India atau Filipina. Bilangan mereka hanya kecil. Antaranya Chew Cheng Kok yang telah mengarahkan filem *Seruan Darah* (1957) dan filem keduanya *Hantu Kubur* (1958). Pengarah-pengarah yang berasal dari Filipina dan China tidaklah kekal lama dalam industri filem Melayu seperti pengarah-pengarah India yang lebih komited dalam memajukan filem-filem Melayu.<sup>31</sup> Hasil bimbingan pengarah-pengarah India dan peluang yang telah dibuka oleh MFP, akhirnya muncullah beberapa orang pengarah Melayu yang berbakat. Antara pengarah Melayu yang terkenal ketika itu ialah P. Ramlee, Jamil Sulong, Omar Rojik dan S. Kadarisman.

Pengarah Melayu yang pertama ialah P. Ramlee. Beliau yang dilahirkan pada 22 Mac 1929<sup>32</sup> merupakan anak kepada pasangan Teuku Nyak Puteh bin Teuku Karim dan Che Mah binti Hussein. Beliau telah menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Kampung Jawa dan Francis Light English School. Seterusnya, beliau menyambung pelajaran di Penang Free School sehingga tercetus Perang Dunia Kedua. Ketika beliau masih bersekolah di Penang Free School, beliau dikenali sebagai pelajar yang kemas dari segi tulisan dan mempunyai bahasa yang menarik.<sup>33</sup> Pada waktu tengah hari, beliau mempelajari pendidikan Islam dan pada sebelah malamnya, beliau aktif bersukan. Guru beliau, Encik Hashim adalah bapa kepada Ahmad Daud.<sup>34</sup> Ketika zaman pendudukan tentera Jepun di Tanah Melayu, beliau belajar di Japanese Navy School (*Kaigun Gakko*) sebelum kembali ke Penang Free School apabila perang tamat.<sup>35</sup> Ketika beliau bersekolah di Japanese Navy School, beliau pernah menjadi ketua dalam satu batalion seramai 150 orang. Apabila pertunjukan pentas diadakan pada setiap malam minggu, beliau seringkali diundang untuk menyanyi beberapa buah lagu. Sistem pendidikan Jepun telah menyebabkan beliau menguasai bahasa Jepun dalam masa yang singkat. Pihak Jepun telah menghantarnya ke merata-rata tempat untuk mengasah kemahirannya. Pada tahun 1945, beliau mula mencuba nasib dengan menyertai sebuah pertandingan nyanyian anjuran Radio Malaya bahagian utara. Beliau telah memperoleh

tempat ketiga manakala pada tahun 1947, beliau berjaya mendapat tempat pertama sebagai Bintang Penyanyi Utama Malaya. Pada tahun 1948, B. S. Rajhans, pengarah yang bekerja di Shaw Brothers mengesan bakat P. Ramlee semasa mengadakan persembahan keroncong di Pulau Pinang.<sup>36</sup> Setahun kemudian, iaitu pada tahun 1949, Rajhans kemudian menjemput P. Ramlee untuk menyertai Malay Film Productions (MFP) sebagai penyanyi latar. P. Ramlee tidak berganjak dan berangkat ke Singapura dengan membawa bersama biolanya. Beliau menghadiri uji bakat yang diadakan di studio yang terletak di Jalan Ampas dengan menyanyikan lagu pertama ciptaannya iaitu *Azizah*.

P. Ramlee telah mendapat peluang menjadi pengarah pada tahun 1955 disebabkan sokongan kuat Jaafar Abdullah, seorang eksekutif yang bertugas di Shaw Brothers ketika itu. Jaafar Abdullah sudah lama memerhati kebolehan P. Ramlee. Suatu hari Jaafar Abdullah menulis surat kepada Run Run Shaw meminta melantik P. Ramlee sebagai pengarah.<sup>37</sup> Antara lain bunyi surat Jaafar Abdullah ialah “*If P. Ramlee fails in carrying out his duties as a director as I suggested, I am willing to be your servant for five years without salary*”.<sup>38</sup> Surat Jaafar itu dianggap gila oleh Run Run Shaw, tetapi selepas dia melihat kesungguhan Jaafar supaya memberikan peluang kepada P. Ramlee, akhirnya dia bersetuju dengan permintaan Jaafar itu. P. Ramlee dilantik menjadi pengarah. Pelantikan itu merupakan satu cabaran besar kepada P. Ramlee dan juga kepada Jaafar Abdullah yang mempertaruhkan dirinya. Kedua-duanya dilihat telah bekerja keras untuk menebus maruah pengarah-pengarah filem Melayu. Untuk mencari idea filem pertamanya, P. Ramlee telah menonton filem-filem Hindustan, Cina dan lain-lain tetapi tiada satu idea pun yang menarik perhatiannya. Akhirnya selepas mengadakan perbincangan demi perbincangan dengan Jaafar Abdullah, mereka mendapat idea untuk membuat filem yang bertajuk *Penarik Beca*.<sup>39</sup> Filem tersebut telah mendapat sambutan hebat dan dianggap filem terbaik pada tahun 1955. Kejayaan P. Ramlee sekurang-kurangnya memberikan dorongan kepada tauke-tauke di MFP bahawa pengarah Melayu juga boleh berjaya jika diberikan peluang. Sekurang-kurangnya kekecewaan disebabkan kegagalan Haji Mahadi sebagai pengarah telah dapat ditebus oleh P. Ramlee.<sup>40</sup> Kegagalan filem arahan Haji Mahadi membuatkan beliau enggan untuk mengarah filem lagi. Filem *Permata di Perlimbahan* merupakan filem pertama dan terakhir arahannya.

Pengarah seterusnya adalah Jamil Sulong. Beliau juga merupakan antara pengarah Melayu yang paling menonjol bakatnya pada tahun 1958.<sup>41</sup> Sebelum terjun ke dunia perfileman, Jamil Sulong merupakan seorang sasterawan yang pernah menganggotai angkatan Sahabat Pena dan Asas 50. Daripada Asas 50 di Singapura itulah Jamil Sulong mula berjinak-jinak dengan dunia perfileman. Ketika B. S. Rajhans dilantik mengarah sebuah filem berjudul *Dewi Murni*, Jamil Sulong pernah datang ke Singapura untuk menghadiri *screen test* filem tersebut tetapi malangnya gagal. Kegagalannya itu tidak menyebabkan dia berputus asa. Malah, menambahkan keinginannya untuk menceburkan diri dalam bidang perfileman yang sudah mula bercambah dalam dirinya. Jamil Sulong dilahirkan pada 6 Ogos 1926 di Parit Sulong, Batu Pahat, Johor.<sup>42</sup> Dia mendapat pendidikan Sekolah Rendah Melayu, kemudian memasuki *Special Malay Class*, tetapi pelajarannya terganggu semasa perang meletus. Walaupun kecewa untuk meneruskan pelajaran tetapi semangat dan cita-citanya untuk menjadi orang filem tidak pernah pudar. Atas pertolongan Jaafar Abdullah, beliau menyertai sekali lagi *screen test* tetapi bukan untuk menjadi pelakon. Dia meminta untuk menjadi Penolong Pengarah. Tugasnya ialah menterjemah skrip filem daripada bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Selain itu, Jamil juga bertugas sebagai orang perantaraan antara artis dan pengarah. Jamil merupakan seorang yang suka belajar. Beliau menggunakan masa dan peluangnya untuk mempelajari lebih mendalam selok-belok pembikinan sebuah filem. Oleh kerana sikapnya yang rajin belajar itu, akhirnya beliau diberikan peluang untuk mengarahkan sebuah filem pada tahun 1958. Peluang itu disambutnya dengan gembira, seolah-olah cita-



citanya untuk menjadi pengarah filem sudah pun tercapai. Filem pertama arahnya ialah *Batu Belah Batu Bertangkup* yang dibintangi oleh Aziz Jaafar, Zaiton Abdullah, S. Kadarisman dan lain-lain.<sup>43</sup> Ketiga-tiga pelakon ini merupakan bintang-bintang cemerlang dunia perfileman ketika itu.

Seperti P. Ramlee, Jamil Sulong telah menggunakan kesempatan pertamanya itu untuk menunjukkan bakatnya sebagai pengarah di samping hendak membuktikan bahawa orang Melayu juga berkebolehan dalam bidang pengarah filem.<sup>44</sup> Berkat usaha gigihnya itu, filem *Batu Belah Batu Bertangkup* telah mencapai kejayaan cemerlang. Sambutan penonton sangat menggalakkan. Kejayaan itu telah menyebabkan bintangnya bertambah bersinar. Beliau terus diberikan peluang untuk mengarah filem-filem seterusnya, antaranya ialah *Raja Laksamana Bentan*, *Lela Manja*, *Si Tanggang*, *Kaca Permata* dan *Dayang Senandung*. Jamil Sulong juga diberikan kepercayaan mengarah filem-filem ejen perisikan seperti *James Bond*. Dua buah filem bercorak demikian yang diarahkannya ialah *Gerak Kilat* dan *Nora Zain Ejen Wanita 001*. Jamil juga pernah berganding bahu dengan pengarah Jepun dalam pengarah filem *Raja Bersiong*. Kebanyakan filem arahan Jamil Sulong mendapat sambutan hangat. Bukan sahaja mutu arahnya baik tetapi cerita-cerita yang dipilih untuk filemnya juga menarik minat orang ramai.

Seorang lagi pengarah Melayu yang turut mengukir nama pada era tersebut ialah Omar Rojik. Beliau yang berasal dari Kedah telah dilahirkan pada 23 November 1925.<sup>45</sup> Beliau telah berkahwin dengan pelakon Norsiaty Omar yang berasal dari Butterworth dan mempunyai 4 orang anak. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu dan sekolah Inggeris sehingga darjah tiga. Sejak dibangku sekolah lagi, beliau sangat mahir dalam bermain peralatan muzik.<sup>46</sup> Setelah tamat persekolahan, beliau telah mula memasuki angkatan belia dan bekerja sebagai mekanik dalam memperbaiki enjin kapal terbang semasa pendudukan Jepun.<sup>47</sup> Di samping itu, beliau juga pernah terlibat dengan parti politik di bawah pimpinan Ahmad Boestaman.<sup>48</sup> Bagi mendapatkan pekerjaan tetap, beliau telah berhijrah ke Singapura di mana ketika berada disitu beliau bertemu dengan R. Azmi yang telah mendapatkannya pekerjaan sebagai buruh kasar di Syarikat Malay Film Productions (MFP). Bermula dari situlah beliau mula mengenali dunia filem tempatan. Omar Rojik juga berbakat dalam bidang penulisan dan merupakan penulis cerita asal bagi filem *Dr. Rushdi*, *Antara Dua Darjat* dan *Semerah Padi*.<sup>49</sup> Beliau telah diberikan kesempatan untuk mengarah sebuah filem yang berjudul *Sumpah Wanita*. Sepanjang kariernya dalam bidang perfileman, Omar Rojik telah berjaya mengarah 14 buah filem dalam berbagai-bagai tema. Antara filem arahnya selain *Sumpah Wanita* ialah *Pertarungan* (1960), *Panji Semirang* (1961) dan *Singapura Dilanggar Todak* (1962).<sup>50</sup> Sementara itu, pada tahun 1966, S. Kadarisman telah dilantik menjadi pengarah dan filem pertama beliau ialah *Sri Andalas*.<sup>51</sup> Selepas tutupnya Studio Jalan Ampas, Singapura, beliau berhijrah ke Studio Merdeka, Kuala Lumpur untuk terus berjuang di dalam dunia perfileman. Filem terakhir arahan beliau ialah *Bujang Tua S.S* pada tahun 1974.

### **Bintang-bintang Melayu yang dilahirkan oleh Malay Film Production (MFP)**

Dari segi kelahiran bintang-bintang tempatan dapat diperhatikan ketika kerancakan pengeluaran filem-filem di mana ramai aktor dan aktris berbakat besar muncul dan menjadi pujaan berjuta-juta peminat. Pengedaran filem-filem Melayu pada 1950-an dan 1960-an itu dimonopoli oleh MFP kerana di Studio Jalan Ampas tempat berkumpulnya bintang-bintang

ternama yang menjadi pujaan ramai peminat.<sup>52</sup> Saingan terdekat MFP iaitu Cathay-Keris Film tidak dapat menandingi populariti bintang-bintang filem milik MFP. Sesetengah filem keluaran MFP mampu bertahan di pawagam sehingga tiga bulan, contohnya filem *Penarik Beca*, *Bujang Lapok*, *Hang Tuah*, *Batu Belah Batu Bertangkup* dan *Ibu Mertuaku*.<sup>53</sup> Ini merupakan pencapaian yang sangat membanggakan. Bintang-bintang MFP yang menjadi pujaan ketika itu ialah P. Ramlee, Salleh Kamil, A. Rahim, Latifah Omar, Saadiah, S. Kadarisman, Aziz Sattar, S. Shamsudin, Sarimah, Maria Menado, Kasma Booty dan lain-lain. Filem-filem keluaran MFP memang sentiasa ditunggu-tunggu oleh para peminat. Para pelakon di studio Jalan Ampas pula begitu setia dengan MFP kerana mereka diberikan layanan yang cukup baik dari segi pembayaran gaji atau hal-hal yang berkaitan dengan kebajikan. Kedudukan kewangan MFP agak kukuh dan peralatan perfileman juga mencukupi. Para pelakon juga telah mendapat bayaran yang setimpal.

Jika dilihat, pelakon era 1950-an lebih ramai berbanding era 1940-an. Hal ini kerana syarikat penerbitan filem iaitu Shaw Brothers telah membuka ruang dan peluang yang luas kepada pelakon yang berbakat dalam dunia perfileman pada ketika itu terutamanya daripada bekas-bekas pelakon bangsawan yang sudah dikenali pada masa itu. Pelakon yang paling hebat pada era 1950-an ialah P. Ramlee. Menerusi filem, P. Ramlee berjaya menyampaikan mesej-mesej untuk menyedarkan masyarakat Melayu secara langsung. Baik melalui filem serius atau filem komedi, mesej yang hendak disampaikan oleh P. Ramlee adalah jelas. Beliau mahu bangsanya mengambil iktibar daripada apa yang berlaku di sekelilingnya dan P. Ramlee menggunakan media filem untuk tujuan tersebut. Sehingga kini beliau menjadi bintang legenda yang sukar ditandingi. Filem-filem dan lagu-lagu nyanyiannya masih digemari sehingga sekarang. Beliau juga digelar sebagai Seniman Agung Negara kerana jasanya yang amat besar dalam industri hiburan terutamanya di rantau Asia Tenggara. Beliau pernah mendapat pengiktirafan antarabangsa seperti *Best Male Lead Role* (Festival Filem Asia ke-4, Tokyo) dan *Most Versatile Talent* (Festival Filem Asia ke-10, Tokyo).<sup>54</sup> Pelakon yang menonjol pada era 1960-an pula ialah Sarimah Ahmad. Beliau merupakan pelakon wanita yang berbakat besar dan serba boleh. Hal ini terbukti apabila beliau berjaya muncul sebagai pelakon dalam filem pertamanya iaitu *Ali Baba Bujang Lapok* (1961) pada usia yang muda iaitu 19 tahun. Sarimah juga telah berjaya mendapat gelaran ikon filem Melayu pada zaman kegemilangan industri di studio Jalan Ampas, Singapura. Beliau juga telah berjaya memenangi anugerah *Fotografi Hitam dan Biasa Terbaik* di Festival Filem Asia ke-10 iaitu pada tahun 1963 menerusi filem *Ibu Mertuaku*.

Di samping itu, imbuhan yang diterima oleh para pelakon juga berbeza antara satu sama lain. Imbuhan yang diterima oleh para pelakon yang memiliki populariti amat berbeza dengan imbuhan yang diterima oleh pelakon yang kurang popularitinya. Hal ini jelas terbukti melalui pelakon yang bernama Kasma Booty yang memiliki populariti yang luar biasa dengan peminat yang begitu ramai. Kemunculannya dalam dunia filem Melayu merupakan sebutir bintang yang gemerlapan. Tawaran yang diterima oleh Kasma Booty dari pihak MFP pada ketika itu ialah dengan gaji \$500 dan bonus \$2,000 bagi setiap filem lakonannya.<sup>55</sup> Tambahan pula, rumah yang didudukinya juga dijanji oleh pihak MFP akan diganti. Melalui imbuhan ini, jelas terbukti setiap keringat dan bakat perlu dibayar. Hal ini juga menjadi cabaran terbesar kepada para pelakon pada ketika itu. Untuk mendapat imbuhan yang lebih, mereka perlu berusaha untuk bersaing antara satu sama lain bagi memenangi hati penonton supaya karakter yang dibawa oleh pelakon tersebut berjaya tersemat di hati penonton. Kejayaan seseorang pelakon dalam menjayakan watak mereka adalah diukur apabila penonton itu tidak sabar untuk menantikan kemunculan pelakon tersebut dalam filem seterusnya. Pada penonton, apa yang mereka mahukan daripada pelakon filem Melayu ialah

untuk melihat keberhasilan watak yang dibawa oleh pelakon tersebut sama ada mesej yang disampaikan memberikan pengajaran atau pun sebaliknya.

### **Cathay-Keris Film**

Terdapat seorang lagi tokoh pengusaha filem yang tidak kurang pentingnya dalam pertumbuhan industri perfileman tanah air iaitu Ho Ah Loke. Beliau merupakan salah seorang penerbit filem Melayu terawal di Tanah Melayu dan mula bersaing dalam perniagaan filem semasa berusia 25 tahun pada sekitar tahun 1925.<sup>56</sup> Pada tahun 1930, dalam usia yang masih muda beliau berjaya membeli dua buah panggung di bandar Ipoh, iaitu panggung Union dan Oriental. Dalam tempoh yang singkat, beliau telah berjaya menguasai rangkaian panggung wayang yang terdapat di Perak, iaitu di sekitar Taiping, Teluk Intan dan Kampar dan seterusnya di bandar Klang di Selangor serta tempat lain.<sup>57</sup>

Pada tahun 1939, beliau menyewa panggung Odeon selama 15 tahun, diikuti dengan pengambilan panggung lain di sekitar Ipoh dan Pulau Pinang.<sup>58</sup> Tambahan pula, kegagalannya berurusan dengan pihak Shaw Brothers mendesakkan Ho Ah Loke beralih menjalankan perniagaan dengan Loke Wan Tho, seorang lagi tokoh dan jutawan pengusaha filem.<sup>59</sup> Loke Wan Tho yang mewarisi Pertubuhan Cathay atau Cathay Organizations daripada keluarganya yang telah menubuhkan Associated Theatres bertujuan melibatkan diri dalam perniagaan filem. Kerjasama antara kedua-dua orang pengusaha filem ini kemudiannya melahirkan satu gabungan usahawan filem yang memajukan industri filem Melayu tempatan. Secara langsung, kerjasama ini telah memasukkan semua rangkaian panggung wayang Pertubuhan Cathay miliknya yang terdapat di serata tempat menyertai kumpulan syarikat Loke Wan Tho. Pada tahun 1951, Ho Ah Loke menubuhkan syarikat Rimau Film Production bertempat di Batu 9, Tempenis Road, Singapura.<sup>60</sup> Syarikat ini sempat mengeluarkan filem pertamanya, *Ramli-Ramlah*. Rimau Film Productions kemudiannya ditukarkan menjadi Keris Film Productions atau ringkasnya Keris Filem. Filem pertama keluaran syarikat Keris Film Productions ialah *Perwira Di Lautan Teduh* yang dibuat dalam warna-warni. Sayangnya, filem ini tidak pernah ditayangkan kerana semua negatifnya hilang semasa pengiriman ke makmal proses filem berwarna di London pada tahun 1951. Gabungan kerjasama usahawan Loke Wan Tho yang memiliki syarikat Cathay Films dengan syarikat Keris Film kepunyaan Ho Ah Loke melahirkan Cathay-Keris Productions pada tahun 1953.<sup>61</sup> Studio yang bertempat di East Coast Road, Singapura, ini menjadi saingan utama kepada syarikat Shaw Brothers untuk mengeluarkan filem Melayu.

### **Filem-filem terbitan Cathay-Keris Film**

Studio Cathay-Keris telah beroperasi dari tahun 1953 hingga 1973 dengan lebih daripada 120 buah filem dihasilkan dan merupakan penyumbang utama kepada Zaman Keemasan Pawagam Melayu. Filem pertama keluaran gabungan Cathay-Keris ini ialah berjudul *Buloh Perindu* arahan B. S. Rajhans yang memberi kejutan awal kepada Shaw Brothers.<sup>62</sup> Filem yang menggunakan tatawarna Agfa Gavert Colour itu menelan belanja yang besar dengan lokasi penggambarannya di Chuping, Perlis. *Buloh Perindu* membariskan pelakon handalan seperti Salleh Ghani, Shariff Medan, M. Amin, Raden Sudiro, Bakaruddin, Yusof Kelana, Raden Rafeah, Raden Sumiani, Rosini, Norsiah Yern dan ramai lagi. Meskipun *Buloh Perindu* tidak mencapai kejayaan box-office, tetapi pengeluarannya berbangga kerana mencipta sejarah sebagai filem Melayu pertama yang berwarna. Bermula daripada mengeluarkan sebuah filem pada tahun 1953, tahun berikutnya Cathay-Keris Film mampu mengeluarkan

enam buah filem. Cathay-Keris terus mengeluarkan filem Melayu yang dianggap oleh para peminat ketika itu sebagai bercirikan kemelayuan sejati. Semasa di puncak kecemerlangannya, syarikat ini mampu menerbitkan antara 10 hingga 12 buah filem setahun.<sup>63</sup>

Studionya dilengkapi dengan peralatan filem yang terkini, malahan susunan pentadbiran dan segala pengurusan penerbitannya mempunyai sistem yang terkawal rapi jika dibandingkan dengan studio Shaw Brothers di Jalan Ampas, Tom Hodge sebagai pengurus studio, dibantu oleh Hamzah Hussein sebagai Pegawai Penerangan Cathay-Keris. Syarikat ini memberikan peruntukan yang besar terhadap penerbitan sesebuah filem serta berupaya membuat penggambaran di lokasi luar studio. Ini menyebabkan banyak pelakon mahupun pengarah filem daripada Shaw Brothers berpindah dari Jalan Ampas lantas menganggotai Cathay-Keris Film. Filem keluaran syarikat ini yang terkenal pada era 1950-an ialah *Bawang Putih Bawang Merah*. Filem ini telah mengangkat kisah lara kehidupan seorang gadis kampung bernama Bawang Merah yang diseksa oleh ibu dan kakak tiri, Kundor dan Bawang Putih selepas kematian ibunya, Labu. Dalam filem ini menunjukkan adab santun yang sangat tinggi dan terjaga. Malahan, penggunaan ayat-ayat istana sangat sempurna. Hal ini jelas terbukti melalui bait-bait lagu yang didendangkan oleh Bawang Merah bersama inang dan dayang istana. Filem ini juga sangat menonjol sehinggakan dalam tempoh lebih setengah abad, pelbagai versi Bawang Putih Bawang Merah telah diadaptasi oleh penggiat seni tempatan, sesuai dengan kehendak dan permintaan penonton.

Manakala filem yang terkenal pada era 1960-an pula ialah *Puteri Gunung Ledang* dan *Sultan Mahmud Mangkat Dijulang*. Pertamanya melalui filem *Puteri Gunung Ledang* ini jelas menunjukkan bahawa terdapat nilai murni yang harus dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Antaranya ialah ketabahan dalam menghadapi cabaran dan menyayangi ahli keluarga tanpa syarat untuk menjamin keharmonian dan kebahagiaan. Tambahan pula, filem ini jelas memberi pengajaran kepada kita terutamanya sebagai rakyat agar sentiasa patuh kepada raja dan kebijaksanaan pemimpin itu sendiri dalam memimpin rakyatnya. Seterusnya, melalui filem *Sultan Mahmud Mangkat Dijulang*, sebuah filem yang diadaptasi daripada kisah yang sebenar, mengisahkan mengenai Megat Seri Rama atau Laksamana Bentan (Nordin Ahmad) yang berjaya menumpaskan sekumpulan lanun yang menyerang Kuala Sedili, Johor Lama dan menyelamatkan Wan Anum (Maria Menado) yang telah dijadikan tebusan. Baginda Sultan Mahmud amat gembira atas kejayaan Datuk Megat dan dinaikkan pangkat kepada Datuk Laksamana. Tun Bija Ali, seorang pembesar istana tidak berpuas hati dengan perlantikan itu lebih-lebih lagi apabila Datuk Laksamana Megat mengahwini Wan Anum. Lalu, berlakulah pelbagai peristiwa yang akhirnya membuatkan Datuk Megat membunuh Sultan Mahmud. Sehingga ke hari ini, filem ini dijadikan bahan rujukan serta tontonan generasi masa kini dalam menyampaikan pengajaran yang sangat berguna, dimana kita dapat menyaksikan bagaimana kekejaman, kezaliman dan ketidakadilan sering dilakukan kepada rakyat.

### **Pengarah-pengarah Melayu di bawah Cathay-Keris Film**

Di Cathay-Keris Film, kita akan menemui beberapa orang pengarah Melayu yang berbakat seperti M. Amin, Nordin Ahmad, S. Roomai Noor, Hussein Haniff, Salleh Ghani, Mat Sentul dan beberapa orang lagi.<sup>64</sup> Antara pengarah yang paling ketara bakatnya ialah Salleh Ghani, Hussein Haniff dan M. Amin. Pertama-tamanya, kita akan menelusuri pengarah Salleh Ghani. Beliau pernah bekerjasama dengan William Holden (pemenang aktor terbaik Academy Award) ketika aktor tersebut berlakon di Singapura dalam filem *Keeping The Peace* arahan

Don Sharp dan beliau telah menjadi penolong pengarah dalam filem tersebut yang diterbitkan pada tahun 1959. Ini merupakan pencapaian yang sangat membanggakan. Pada peringkat awal penglibatan beliau dalam Cathay-Keris Film, beliau telah memegang jawatan sebagai Penolong Pengarah. Anak kelahiran Johor itu diberi kepercayaan menjadi pengarah filem pada tahun 1960. Antara kejayaan Salleh Ghani sepanjang menjadi pengarah filem ialah apabila beliau telah berjaya mengeluarkan filem *Seri Mersing* (1961) dan *Tun Fatimah* (1962).

Pengarah Cathay-Keris seterusnya ialah Hussein Haniff. Beliau telah dilahirkan pada tahun 1933 di Pakistan dan dibesarkan di Singapura. Bapanya, Muhammad Haniff atau dikenali dengan jolokan Chitra, pernah bekerja sebagai pelukis dan pengarah seni di studio Malay Film Production (MFP). Hussein telah mendirikan rumah tangga sebanyak dua kali. Isteri pertamanya ialah Musteja Sani, seorang suri rumah. Manakala isteri keduanya ialah Fatimah Ahmad, seorang pelakon filem Cathay-Keris. Pembabitan beliau dalam perfileman bermula dari belakang tabir, iaitu sebagai pelukis tirai dan peralatan atau hiasan di beberapa pentas bangsawan dan seterusnya mengarah filem bagi syarikat Cathay-Keris Film. Pada awalnya, beliau terbabit dalam penyuntingan filem sahaja. Selepas itu, pada tahun 1961, beliau mula mengarah filem pertamanya, *Hang Jebat*.<sup>65</sup> Para pengkritik filem menyifatkan Hussein Haniff sebagai seorang yang memberikan sentuhan anak watan Melayu kepada filem Melayu. Filem sebelumnya yang diarah oleh pengarah India sering menonjolkan jalan cerita bersifat filem India. Pelakon veteran, Mustapha Maarof yang pernah berlakon dalam filem arahan Hussein menyifatkan pengarah itu sebagai seorang yang amat cerewet dan terlalu mementingkan kesempurnaan. Sungguhpun beliau tidak boleh membaca dan menulis, Hussein mampu menterjemahkan setiap ideanya ke dalam skrip yang ditulis dengan bantuan orang lain seperti Ali Aziz yang menulis skrip untuk filem *Hang Jebat* (1961). Filem arahnya itu kemudian terpilih untuk dipertandingkan ke Festival Filem Asia ke-9 di Seoul, Korea Selatan pada tahun 1962.<sup>66</sup> Selain itu, Hussein Haniff juga telah berjaya mengarahkan beberapa buah filem lain seperti *Dang Anom* (1962), *Mata Syaitan* (1962), *Masuk Angin Keluar Asap* (1963), *Gila Talak* (1963), *Dua Pendekar* (1964), *Hutang Darah Dibayar Darah* (1964), *Kalong Kenangan* (1964), *Cinta Kasih Sayang* (1965) dan *Udang Di Sebalik Batu* (1966).

Sementara itu, M. Amin juga antara pengarah Melayu yang turut mengukir nama pada era tersebut. Beliau merupakan anak kelahiran Kuala Kangsar, Perak.<sup>67</sup> Pada peringkat awal sebelum menjadi pengarah, beliau telah membuat permohonan untuk menjadi sebagai penolong pengarah. Permohonannya tidak diketepikan begitu sahaja. Pihak majikan di Cathay-Keris mengkaji prestasinya dari pelbagai sudut. Kesungguhan, bakat dan kebolehannya diukur dan dikaji. Akhirnya pada tahun 1956, beliau diberi peluang menjadi penolong pengarah untuk filem *Cinta Gadis Rimba* yang dipadankan daripada novel karya Cikgu Harun Mohd Amin. Peluang ini digunakannya sebaik mungkin untuk memperlihatkan bakatnya. Begitu juga dengan filem-filem berikutnya. Akhirnya, enam tahun kemudian iaitu pada tahun 1962, hasratnya untuk menjadi pengarah tercapai. Cathay-Keris memberi peluang kepadanya untuk mengarah filem *Lancang Kuning*, filem yang berjaya mengangkat namanya. Peluang sebagai pengarah ini tidak mahu disia-siakannya. Beliau mengkaji skrip dan pelakon-pelakon yang akan membintangi filemnya itu. Beliau mahu menunjukkan bakat dan kebolehannya. Beliau mahu filem yang akan diarahkannya mencapai kejayaan. Nordin Ahmad dan Latifah Omar yang diberikan peranan hero dan heroin dalam filem itu telah menunjukkan bakat lakonan yang mantap yang akhirnya membawa kejayaan kepada filem tersebut. *Lancang Kuning* mendapat sambutan yang hangat dan sekali gus telah mengangkat nama M. Amin sebagai pengarah yang berwibawa. Pada tahun 1963, M. Amin diberikan peluang dalam mengarah filem *Tajul Asyikin* dan *Cucu Datuk Merah*. Seterusnya,

pada tahun 1964, beliau telah mengarah filem *Air Mata Duyung*, *Rumah Itu Duniaku* dan *Panglima Besi*. Pada tahun 1965, M. Amin mengarah pula filem *Gurindam Jiwa*, *Mata Hati* dan *Patung Cendana*. Pada tahun berikutnya iaitu 1966, beliau diberi peluang dalam mengarah filem *Anak Dara*. Manakala pada tahun 1967, beliau telah bekerjasama dengan Mat Sentul dalam mengarah filem *Mat Raja Kapor* dan *Mat Bond*. Kebanyakan filem yang diarahkan oleh M. Amin berdasarkan cerita sejarah. Setelah 25 tahun berada dalam dunia perfileman di Singapura, akhirnya M. Amin kembali ke Kuala Lumpur pada tahun 1973. Beliau berhijrah ke Kuala Lumpur selepas siapnya filem *Hati Batu* dengan Cathay-Keris Film.

### **Bintang-bintang Melayu yang dilahirkan Cathay-Keris Film**

Dari segi kelahiran artis tempatan dalam Cathay-Keris Film pula kita boleh perhatikan terdapat pelakon-pelakon yang hebat telah muncul dari studio ini. Antaranya ialah Nordin Ahmad, S. Roomai Noor, Umi Kalthum, Latifah Omar, Fatimah Ahmad, Salmah Ahmad, Siti Tanjung Perak dan banyak lagi. Salah seorang pelakon yang dianggap setia dengan Cathay-Keris Film ialah Dollah Sarawak.<sup>68</sup> Beliau sering membawakan watak bomoh, pengasuh, tukang kebun dan banyak lagi watak orang tua di dalam filem-filem terbitan syarikat ini. Beliau juga pernah mendapat pujian daripada bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew ketika mengadakan penggambaran di Singapura pada zaman kegemilangannya.<sup>69</sup> Antara pelakon yang terkenal menerusi syarikat Cathay-Keris Film pada era 1950-an ialah Umi Kalthum. Hal ini kerana sepanjang penglibatan lakonan, beliau mampu menjayakan sebanyak 29 buah filem menerusi syarikat ini. Di samping itu, beliau juga terpilih sebagai Wanita Melayu Paling Jelita di seluruh Singapura dan Malaya menerusi majalah antarabangsa terkemuka iaitu *Life*.<sup>70</sup> Manakala, pelakon yang terkenal pada era 1960-an pula ialah Nordin Ahmad. Hal ini jelas terbukti apabila pengarah-pengarah berlumba-lumba untuk mengambilnya membintangi filem mereka. Di samping jalan cerita yang menarik dan pengarah yang bagus, Nordin Ahmad merupakan elemen penting dalam kejayaan filem-filem Cathay-Keris seperti filem *Hang Jebat* arahan Hussein Haniff, *Cucu Datuk Merah* oleh M. Amin dan *Sri Mersing* oleh Salleh Ghani. Antara anugerah yang berjaya dirangkul oleh Nordin Ahmad ialah Anugerah Festival Filem Malaya pada tahun 1961 menerusi filem *Hang Jebat* dan Anugerah Festival Filem Malaysia pada tahun 1963 menerusi filem *Cucu Datuk Merah*.

### **Kesimpulan**

Konklusinya, syarikat penerbitan filem Melayu iaitu Malay Film Production (MFP) dan Cathay-Keris Film telah memainkan peranan yang sangat penting dalam menjayakan pengeluaran filem Melayu di Tanah Melayu sehingga tahun 1960-an. Kedua-dua syarikat ini dilihat telah memonopoli industri perfileman Melayu secara menyeluruh, termasuk dari segi kelahiran pengarah-pengarah Melayu dan pelakon-pelakon filem Melayu itu sendiri. Dari segi pengarah-pengarah Melayu dapat dilihat dengan jelas telah muncul ketika kewujudan syarikat penerbitan ini. Sebelum ini, pengarah yang mengarah filem Melayu hanya terdiri daripada pengarah-pengarah yang berasal dari luar negara seperti India, Filipina dan China. Daripada ketiga-tiga negara, pengarah dari India yang paling menonjol dan menetap lama di negara ini. Tambahan pula, pengarah-pengarah dari India tidak lokek dalam mencurahkan ilmu berkaitan kepengarahan kepada orang Melayu sehingga mereka menjadi pengarah yang hebat. Sebagai contoh pengarah Phani Majumdar yang mendidik P. Ramlee dan Jamil Sulong sehingga mereka berdua berjaya menjadi pengarah filem Melayu yang terawal pada ketika itu.

Pelakon-pelakon hebat juga telah lahir pada era kewujudan syarikat-syarikat ini. Perkara ini jelas dilihat apabila kedua-dua syarikat ini mampu mengeluarkan jumlah filem yang memberangsangkan setiap tahun dek kerana mereka memiliki modal yang besar. Hal ini sudah tentu memberi peluang pekerjaan kepada para pelakon dan dalam masa yang sama dapat mengasah lagi bakat lakonan mereka agar terus bersinar. Tambahan pula, pelakon-pelakon daripada syarikat-syarikat penerbitan ini telah berjaya merangkul anugerah berprestij. Sebagai contoh melalui P. Ramlee, di mana beliau telah berjaya mendapat pengiktirafan antarabangsa melalui anugerah *Best Male Lead Role* (Festival Filem Asia ke-4, Tokyo) dan *Most Versatile Talent* (Festival Filem Asia ke-10, Tokyo). Dalam masa yang sama pelakon-pelakon filem Melayu ini juga telah berjaya mengharumkan nama negara hingga ke peringkat antarabangsa. Hal ini jelas terbukti melalui pelakon, Ibrahim Pendek. Sewaktu berlakon dalam filem *Ali Baba Bujang Lapok*, pihak Universal International, Hollywood yang mengadakan lawatan ke studio Jalan Ampas telah tertarik dengan lakonan beliau dalam filem tersebut. Dari saat itulah pihak Universal International telah menghantar surat tawaran kepadanya untuk berlakon sebagai pembantu seorang doktor dalam filem keluaran Hollywood itu. Bermula detik indah itulah beliau telah mencatat sejarah agung perfileman Melayu kerana beliau ialah pelakon Melayu pertama berlakon dalam filem keluaran Hollywood bersama Rock Hudson dan Gena Rowlands dalam filem *The Spiral Road* pada tahun 1962.

## Penghargaan

Penulis ingin melahirkan penghargaan kepada Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya kerana memberi galakan dalam menjalankan penyelidikan ini.

---

## Biodata

\* **Mohd Suhairi bin Mazlan** ([suhairimazlan23@gmail.com](mailto:suhairimazlan23@gmail.com)) (corresponding author) merupakan pelajar peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Kemanusiaan (Sejarah dan Arkeologi) di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

\*\* **Dr. Ahmad Kamal Ariffin bin Mohd Rus** ([akamal@um.edu.my](mailto:akamal@um.edu.my)) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Received: 21 August 2023

Reviewed: 15 November 2023

Accepted: 30 June 2024

## Nota

- <sup>1</sup> A. Bazin, *What is Cinema?*, Berkeley & Los Angeles: University of California Press, 1967, hlm. 23.
- <sup>2</sup> Abi, *Filem Melayu Dahulu dan Sekarang*, Shah Alam: Marwilis Publisher & Distributors, 1987, hlm. 11.
- <sup>3</sup> David Bordwell & Kristin Thompson, *Film Art: An Introduction*, United States: McGraw-Hill, 2004, hlm. 37.
- <sup>4</sup> Abdul Rahman Hanafiah, *Kaedah Kajian Drama*, Shah Alam: Karya Bistari, 1985, hlm. 7.
- <sup>5</sup> Khadijah Hashim, *Storms of Yesterday*, Wangsa Maju: 'K' Publishing Sdn. Bhd, 2009, hlm. 23.
- <sup>6</sup> *The Malay Mail*, 23 November 1900.
- <sup>7</sup> *The Malay Mail*, 6 Julai 1905.
- <sup>8</sup> M. Amin & Wahba, *Layar Perak dan Sejarahanya*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 1998, hlm. 11.
- <sup>9</sup> Ramli Mohamed, *Sinema dan Penontonan di Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2003, hlm. 19.

- 10 Rahman Shaari, *Kualiti Drama dan Filem Melayu*, Kuala Lumpur: Munora Publishing, 1983, hlm. 26.  
11 Ibid.  
12 Jins Shamsudin, *Filem Melayu: Citra Budaya dan Rakaman Sejarah*, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2014, hlm. 13.  
13 Sharifah Zinjuaher H. M. Ariffin, Hang Tuah Arshad, *Sejarah Filem Melayu (The History of Malay Motion Pictures)*, Singapura: Penerbitan Sri Sharifah, 1980, hlm. 10.  
14 Chan Kwok Bun & Claire Chiang See Ngoh, *Mengorak Langkah: Melahirkan Usahawan Cina*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, 2006, hlm. 30.  
15 Jins Shamsudin, *Filem Melayu: Citra Budaya dan Rakaman Sejarah*, hlm. 13.  
16 Poshek Fu, *China Forever: The Shaw Brothers and Diasporic Cinema*, United States: University of Illionis Press, 2008, hlm. 27.  
17 Mohd. Zamberi A. Malek, *Jins Shamsudin: Kembara Seorang Seniman*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007, hlm. 299.  
18 Ibid.  
19 *Filem Singapura di Waktu Malam*, Singapura: Malay Film Production (MFP), 1947.  
20 William Van Der Heide, *Malaysian Cinema Asian Film: Border Crossings and National Cultures*, Netherlands: Amsterdam University Press, 2002, hlm. 5.  
21 Rahman Shaari, *Kualiti Drama dan Filem Melayu*, hlm. 6.  
22 Malay Film Productions Managers Statement Regarding the Dispute with the Employees, 2016/0006013, Arkib Negara Malaysia.  
23 William Van Der Heide, *Malaysian Cinema Asian Film: Border Crossings and National Cultures*, hlm. 5.  
24 S.B. merupakan singkatan kepada Shaw Brothers. Ia membawa maksud bahawa setiap filem yang mempunyai logo ini bererti segala isi kandungan filem dan hak ciptanya adalah milik Shaw Brothers sepenuhnya dan tidak boleh ditiru oleh syarikat lain.  
25 Ramli Mohamed, *Sinema dan Penontonan di Malaysia*, hlm. 14.  
26 Rebiah Md. Yusof, *Pengarah-Pengarah Filem Keturunan India dalam Perfileman Melayu tahun 1938-1969*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1985, hlm. 3.  
27 Ibid.  
28 Jamil Sulong, *Kaca Permata: Memoir Seorang Pengarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 9.  
29 Hamzah Abdul Majid bin Hussin, *Memoir Hamzah Hussin: Dari Keris Film ke Studio Merdeka*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997, hlm. 7.  
30 *Majalah Bintang*, Bilangan 41, 42, 54, 55, 62-64, Januari, Ogos, November-Disember 1957, 2007/0025945, Arkib Negara Malaysia.  
31 Malay Film Production to Reorganise Only Half of the Present Employees will be Employed, 2016/0006015, Arkib Negara Malaysia.  
32 Nasir P. Ramlee, *Bapak P. Ramlee*, Michigan: University of Michigan, 2007, hlm. 3.  
33 Abi, *Filem Melayu Dahulu dan Sekarang*, hlm. 33.  
34 Jamil Sulong, *Kaca Permata: Memoir Seorang Pengarah*, hlm. 15.  
35 Malay Film Productions Managers Statement Regarding the Dispute with the Employees, 2016/0006013, Arkib Negara Malaysia.  
36 Jamil Sulong, *Kaca Permata: Memoir Seorang Pengarah*, hlm. 19.  
37 Abdullah Hussain, *Kisah Hidup Seniman Agung P. Ramlee*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016, hlm. 12.  
38 P. Ramlee had Resigned from Malay Film Productions. He May Go to Hong Kong and Indonesia, 2016/0006019, Arkib Negara Malaysia.  
39 A. H. Ahmad Sarji, *P. Ramlee: Erti Yang Sakti*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1999, hlm. 6.  
40 Haji Mahadi atau Mohd. Mahadi bin Haji Mohd Said dilahirkan di Kampung Merbuk, Negeri Sembilan pada tahun 1914. MFP telah memberi ruang kepada beliau selaku orang Melayu pertama dalam mengisi kerusi pengarah filem pada tahun 1952. Haji Mahadi memilih sebuah cerita bercorak drama masyarakat sebagai filem pertama arahan beliau, *Permata di Perlombongan*. Filem tersebut dibintangi oleh Nordin Ahmad dan Maria Menado. Ternyata percubaan Haji Mahadi itu kurang berhasil. Sambutan orang ramai terhadap filem tersebut juga dingin. Haji Mahadi terpaksa menerima hakikat bahawa peluang beliau untuk terus mengarah filem telah tertutup. Haji Mahadi dengan tenang menerima perubahan kedudukan beliau, iaitu daripada pengarah kepada pelakon. Kegagalan filem arahnya itu membuatkan Haji Mahadi enggan mengarah filem lagi. *Permata di Perlombongan* menjadi filem pertama dan terakhir arahnya.  
41 Jamil Sulong, *Kaca Permata: Memoir Seorang Pengarah*, hlm. 27.  
42 Jamil Sulong, Hamzah Hussein & Abdul Malek, *Daftar Filem Melayu (1933-1993)*, Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional, 1993, hlm. 29.



- 43 Filem Producer Malaysia Bersatu (FPMB), 1968/0006647, Arkib Negara Malaysia.  
44 Malay Films Productions Ltd. Singapore, 2016/0006030, Arkib Negara Malaysia.  
45 Norahayu Mat Junoh, *Omar Rojik: Pelakon dan Pengarah Filem Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997, hlm. 30.  
46 Mohd. Nor bin Long, *Dari Kuala ke Tanjung: Memoir Seorang Guru Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm 10.  
47 Norahayu Mat Junoh, *Omar Rojik: Pelakon dan Pengarah Filem Melayu*, hlm. 34.  
48 Ibid., hlm. 35.  
49 Ibid., hlm. 36.  
50 Jins Shamsudin, *Filem Melayu: Citra Budaya dan Rakaman Sejarah*, hlm. 45.  
51 Pegawai dan Kakitangan 'Malay Film Production', 2002/0004042, Arkib Negara Malaysia.  
52 Ibid.  
53 Bintang-bintang Malay Film Production (MFP) Menghadiri Jamuan Mengalukan Rombongan New Shakespearen Company, 2002/0004031, Arkib Negara Malaysia.  
54 James Harding & A. H. Ahmad Sarji, *P. Ramlee: The Bright Star*, United States: University of Michigan, 2002, hlm. 124.  
55 Chairil Ihsan, *Kasma Booty: Dari Bangsawan ke Layar Perak*, Kuala Lumpur: Abe Books Publishing, 2007, hlm. 45.  
56 Christopher Rea & Nicolai Volland, *The Business of Culture: Cultural Entrepreneurs in China and Southeast Asia, 1900-65*, Canada: UBC Press, 2015, hlm. 39.  
57 Ibid.  
58 Ibid., hlm. 43.  
59 Ibid., hlm. 44.  
60 Lorenzo Codelli, *World Film Locations Singapore*, United Kingdom: The University of Chicago Press, 2014, hlm. 22.  
61 Jins Shamsudin, *Filem Melayu: Citra Budaya dan Rakaman Sejarah*, hlm. 16.  
62 Salleh Ghani, *Filem Melayu dari Jalan Ampas ke Ulu Klang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011, hlm. 28.  
63 Mohd. Zamberi A. Malek & Aimi Jarr, *Malaysian Films: The Beginning*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 30.  
64 Hamzah Abdul Majid bin Hussin, *Memoir Hamzah Hussin: Dari Keris Film ke Studio Merdeka*, hlm. 17.  
65 Kai Khiun Liew & Stephen Teo, *Singapore Cinema: New Perspectives*, London and New York: Routledge, 2017, hlm. 29.  
66 Ibid.  
67 Hidir Ali Razali, *Di Sebalik Tirai Layar*, Kuala Lumpur: Patriots Publishing, 2020, hlm. 120.  
68 Jins Shamsudin, *Filem Melayu: Citra Budaya dan Rakaman Sejarah*, hlm. 38.  
69 Ibid.  
70 Azah Aziz, *Selayang Kenangan*, Kuala Lumpur: Institute of Translation & Books, 1990, hlm. 123. Untuk pengetahuan, Umi Kalthum merupakan ibu kepada pelakon Noor Kumalasari dan ibu tiri kepada Anita Sarawak.

## Rujukan

Abi, *Filem Melayu Dahulu dan Sekarang*, Shah Alam: Marwilis Publisher & Distributors, 1987.

Abdul Rahman Hanafiah, *Kaedah Kajian Drama*, Shah Alam: Karya Bistari, 1985.

Abdullah Hussain, *Kisah Hidup Seniman Agung P. Ramlee*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016.

A. H. Ahmad Sarji, *P. Ramlee: Erti Yang Sakti*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications,

1999.

Azah Aziz, *Selayang Kenangan*, Kuala Lumpur: Institute of Translation & Books, 1990.

Bazin, A, *What is Cinema?*, Berkeley & Los Angeles: University of California Press, 1967.

Bintang-bintang Malay Film Production (MFP) Menghadiri Jamuan Mengalu-alukan Rombongan New Shakespear Company, 2002/0004031, Arkib Negara Malaysia.

Bordwell, D & Thompson, K., *Film Art: An Introduction*, United States: McGraw-Hill, 2004.

Chan Kwok Bun & Claire Chiang See Ngoh, *Mengorak Langkah: Melahirkan Usahawan Cina*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, 2006.

Chairil Ihsan, *Kasma Booty: Dari Bangsawan ke Layar Perak*, Kuala Lumpur: Abe Books Publishing, 2007.

Codelli, L., *World Film Locations Singapore*, United Kingdom: The University of Chicago Press, 2014.

Film Producer Malaysia Bersatu (FPMB), 1968/0006647, Arkib Negara Malaysia.

*Filem Singapura di Waktu Malam*, Singapura: Malay Film Production (MFP), 1947.

Hamzah Abdul Majid bin Hussin, *Memoir Hamzah Hussin: Dari Keris Film ke Studio Merdeka*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997.

Hidir Ali Razali, *Di Sebalik Tirai Layar*, Kuala Lumpur: Patriots Publishing, 2020.

Harding, J & A. H. Ahmad Sarji, *P. Ramlee: The Bright Star*, United States: University of Michigan, 2002.

Heide, D. V. W., *Malaysian Cinema Asian Film: Border Crossings and National Cultures*, Netherlands: Amsterdam University Press, 2002.

Jins Shamsudin, *Filem Melayu: Citra Budaya dan Rakaman Sejarah*, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2014.

Jamil Sulong, *Kaca Permata: Memoir Seorang Pengarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

Jamil Sulong, Hamzah Hussein & Abdul Malek, *Daftar Filem Melayu (1933-1993)*, Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional, 1993.

Khadijah Hashim, *Storms of Yesterday*, Wangsa Maju: 'K' Publishing Sdn. Bhd, 2009.

Kai Khiun Liew & Stephen Teo, *Singapore Cinema: New Perspectives*, London and New York: Routledge, 2017.

M. Amin & Wahba, *Layar Perak dan Sejarahnya*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 1998.

Malay Film Productions Managers Statement Regarding the Dispute with the Employees, 2016/0006013, Arkib Negara Malaysia.

Majalah Bintang, Bilangan 41, 42, 54, 55, 62 - 64, Januari, Ogos, November - Disember 1957, 2007/0025945, Arkib Negara Malaysia.

Malay Film Production to Reorganise Only Half of the Present Employees will be Employed, 2016/0006015, Arkib Negara Malaysia.

Malay Films Productions Ltd. Singapore, 2016/0006030, Arkib Negara Malaysia.

Mohd. Zamberi A. Malek, *Jins Shamsudin: Kembara Seorang Seniman*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

Mohd. Zamberi A. Malek & Aimi Jarr, *Malaysian Films: The Beginning*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Mohd. Nor bin Long, *Dari Kuala ke Tanjung: Memoir Seorang Guru Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

Nasir P. Ramlee, *Bapaku P. Ramlee*, Michigan: University of Michigan, 2007.

Norahayu Mat Junoh, *Omar Rojik: Pelakon dan Pengarah Filem Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997.

P. Ramlee had Resigned from Malay Film Productions. He May Go to Hong Kong and Indonesia, 2016/0006019, Arkib Negara Malaysia.

Pegawai dan Kakitangan 'Malay Film Production', 2002/0004042, Arkib Negara Malaysia.

Poshek Fu, *China Forever: The Shaw Brothers and Diasporic Cinema*, United States: University of Illinois Press, 2008.

Ramli Mohamed, *Sinema dan Penontonan di Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2003.

Rahman Shaari, *Kualiti Drama dan Filem Melayu*, Kuala Lumpur: Munora Publishing, 1983.

Rebiah Md. Yusof, *Pengarah-Pengarah Filem Keturunan India dalam Perfileman Melayu tahun 1938-1969*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1985.

Rea, C & Volland, N., *The Business of Culture: Cultural Entrepreneurs in China and Southeast Asia, 1900-65*, Canada: UBC Press, 2015.

Sharifah Zinjuaher H. M. Ariffin, Hang Tuah Arshad, *Sejarah Filem Melayu (The History of Malay Motion Pictures)*, Singapura: Penerbitan Sri Sharifah, 1980.

Salleh Ghani, *Filem Melayu dari Jalan Ampas ke Ulu Klang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.

*The Malay Mail*, 23 November 1900.

*The Malay Mail*, 6 Julai 1905.